

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	19 Syarikat terima pensijilan	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 8 NOVEMBER 2016 (SELASA)

19 syarikat terima pensijilan

SEBANYAK 19 syarikat vendor yang menyertai Program Peningkatan Daya Saing Vendor Melalui Inovasi Miti-Sirim (PPDSVI) dari tempoh 2014 hingga 2016, menerima pensijilan antarabangsa dan tempatan.

Syarikat-syarikat vendor daripada pelbagai bidang termasuk pembinaan, teknologi maklumat, perisian marin, perisian simulator dan kad pintar, vendor lapan syarikat anchor terlibat.

Antara syarikatnya Boustead Naval Shipyards, Telekom Malaysia, Proton, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Chemical Company of Malaysia, Pharmaniaga, Celcom Axiata dan Petronas.

Sebanyak lima syarikat dianugerahkan pensijilan One Innocert (1Innocert), lima syarikat menerima pensijilan ISO9001:2008; empat syarikat mendapat pensijilan 5S, manakala lima syarikat lagi berjaya mengikuti



Zainal Abidin (enam, kiri) bersama 16 wakil syarikat yang menerima pensijilan, baru-baru ini.

program pengukuhan inovasi ke arah program pensijilan 1Innocert.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sirim, Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof berkata, program PPDSVI Miti-Sirim bermula 2014, dibangunkan khusus mentransformasi syarikat vendor bagi memboleh-

kan syarikat berdaya saing menembusi pasaran lokal dan luar negara.

"Sirim melalui Sirim STSSdn Bhd, menawarkan latihan teknikal, program pensijilan, pengujian produk, pengukuhan inovasi dan akhirnya membantu syarikat ke arah Pensijilan Inovasi 1Innocert," katanya.

Program anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan kerjasama Sirim ini, platform syarikat vendor membangunkan kapasiti, membolehkan vendor bawah Program Pembangunan Vendor mencapai sasaran petunjuk prestasi utama yang ditetapkan.